



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **TETAP** di **Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah** seperti berikut:-

BIL	JAWATAN	TETAP / KONTRAK	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI		
					MINIMUM	MAKSIMUM	
A.	KUMPULAN PELAKSANA						
1.	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN	TETAP	KP29	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN	RM 1,493.00	-	RM 5,696.00
2.	PEMANDU	TETAP	H11	PEMANDU KENDERAAN	RM 1,218.00	-	RM 2,939.00

A. KUMPULAN PELAKSANA

1. PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN (GRED KP29)

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1, 493.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1, 493.00); atau
 - (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1, 493.00); atau
 - (iv) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM 1,770.95).

dan

- d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm ukuran dada yang biasa dan semasa menarik nafas (lelaki sahaja).
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar;

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 2(c) (i),(ii) dan (iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a)
 - (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 2 (c); atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

2. PEMANDU (GRED H11)

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c)
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D : RM1, 264.15

Lesen E/E1/E2 : RM1, 310.30

Lesen F/H : RM1, 356.45

Lesen G/I : RM1, 402.60

dan

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a) Semua permohonan hendaklah dibuat secara dalam **talian (online)**.
- b) Maklumat dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Sarawak di <http://sarawak.uitm.edu.my/>.
- c) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- d) Salinan permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemas kini semasa menghadiri temu duga akhir.
- e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **29 Julai 2018, Ahad**.

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi:



**BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SARAWAK
KAMPUS SAMARAHAN 2
94300 KOTA SAMARAHAN
SARAWAK
NO.TEL: 082-678200/8126**